



Rujukan : IPPBM-KBS/1/0016 (45)
 Tarikh : 30 September 2009

**Semua Dekan/Ketua Jabatan/Pengarah/Pensyarah
 Fakulti/Pusat Pengajian/Jabatan**

YBhg. Prof/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan,

**TAWARAN BANTUAN GERAN PENYELIDIKAN INSTITUT PENYELIDIKAN
 PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya, dimaklumkan bahawa Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) merancang untuk menawarkan pembiayaan penyelidikan jangka pendek kepada pensyarah dan pelajar siswazah untuk menjalankan penyelidikan terhadap hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan belia.

2. Tawaran ini adalah selaras dengan usaha IPPBM untuk mewujudkan pangkalan data yang lengkap untuk menyokong perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan belia.

3. Sehubungan itu, geran penyelidikan yang ditawarkan, adalah tidak melebihi RM 30,000.00 bagi setiap satu projek. Jangka masa tempoh penyelidikan perlu disiapkan dalam masa 6 bulan selepas surat perjanjian ditandatangani.

4. Oleh yang demikian, IPPBM membuka peluang kepada semua yang berminat. YBhg. Prof/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan bolehlah mengemukakan kertas cadangan penyelidikan sebelum atau pada **15 Disember 2009** di alamat seperti berikut :-

Ketua Pegawai Eksekutif
 Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
 Tingkat 10, Menara KBS, Lot 4G4, Presint 4,
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
 62570 Putrajaya

*Tindakan akan
 R.*

Segala kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.



Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, sweeping loop on the left and several sharp, angular strokes on the right, ending in a horizontal line.

(DATUK PROF. HJ. ABD. HALIM SIDEK)
Ketua Pegawai Eksekutif

"1 BELIA 1 MALAYSIA"